Siaran Akhbar

LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN MENGELUARKAN LAPORAN TAHUNAN 2011

Kuala Lumpur, 7 Jun 2012 – Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan Financial Services Authority, Labuan FSA) hari ini mengeluarkan Laporan Tahunan bagi tahun 2011. Laporan Tahunan ini menunjukkan pertumbuhan yang berterusan bagi sektor perniagaan utama di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre, Labuan IBFC) dan pendapatan operasi Labuan FSA yang lebih baik bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011.

Pada tahun 2011, momentum pertumbuhan Labuan IBFC adalah mampan meskipun persekitaran global mencabar. Disokong oleh lokasi yang strategik dan infrastruktur kewangannya, aktiviti perniagaan dan sektor perkhidmatan kewangan di Labuan IBFC terus mencatat pertumbuhan yang positif, dengan pertumbuhan yang kukuh dalam sektor perbankan, insurans dan insurans semula, serta sektor kaptif dan pemajakan. Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan terus diperkukuh bagi menggalakkan integriti dan daya ketahanan sektor kewangan Labuan.

Sebanyak 651 syarikat baharu telah diperbadankan pada tahun 2011, mencerminkan peningkatan sebanyak 8.1% berbanding dengan tahun 2010. Daripada 8,655 syarikat di Labuan, 72% adalah dari rantau Asia Pasifik dan Timur Jauh, 13% dari Eropah dan baki sebanyak 10% dari benua Amerika. Sektor pemajakan merupakan salah satu sektor yang menunjukkan prestasi yang paling menggalakkan di Labuan, dengan jumlah syarikat pemajakan meningkat dengan nyata kepada 227 pada tahun 2011 dan aset pemajakan terkumpul berjumlah USD27.6 bilion. Tumpuan syarikat pemajakan dalam bidang berkepakaran khusus seperti penerbangan, serta minyak dan gas telah

memberikan sokongan yang kukuh kepada pertumbuhan dan perkembangan sektor minyak dan gas di Labuan.

Sektor perbankan di Labuan juga mencatat peningkatan yang stabil dalam jumlah aset iaitu sebanyak 13% kepada USD38.3 bilion pada akhir tahun 2011. Kedudukan permodalan bank di Labuan kekal berdaya tahan dengan nisbah modal wajaran risiko dan nisbah modal teras industri masing-masing pada 22.1% dan 23.0%, manakala nisbah pinjaman tak berbayar kasar menurun kepada 1.5% pada tahun 2011. Sebanyak dua bank baharu dari Australia dan Ghana memperoleh lesen untuk beroperasi di Labuan. Ini menjadikan jumlah bank di Labuan sebanyak 57.

Sektor insurans di Labuan IBFC terus berdaya tahan meskipun beberapa bencana alam melanda rantau ini pada tahun 2011. Bagi industri insurans, sebanyak 22 lesen baharu dikeluarkan, menjadikan jumlah syarikat insurans dan syarikat berkaitan insurans di Labuan sebanyak 181 (2010: 169). Sektor ini mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak USD111.8 juta, sementara jumlah asetnya meningkat sebanyak 16.1% kepada USD3.6 bilion (2010: USD3.1 bilion). Jumlah pendapatan premium bagi sektor ini juga meningkat sebanyak 45.1%.

Syarikat amanah di Labuan terus mencatat pertumbuhan pada tahun 2011 dengan pendapatan operasi agregat bertambah baik kepada USD18.6 juta, daripada USD15.4 juta pada tahun 2010. Selain itu, sebanyak tujuh buah syarikat amanah baharu ditubuhkan di Labuan pada tahun 2011, dengan lima daripadanya merupakan milik asing.

Jumlah aset Islam meningkat sebanyak 15.4% kepada USD1.5 bilion (2010: USD1.29 bilion), mencerminkan minat yang mendalam terhadap kewangan Islam. Jumlah pembiayaan bank Islam meningkat dengan nyata kepada USD294.6 juta pada akhir tahun 2011, dengan permintaan yang lebih tinggi daripada bukan pemastautin. Sektor takaful dan takaful semula juga mencatat pertumbuhan dua angka (54.6%) untuk lima tahun berturut-turut, dengan jumlah caruman kasar sektor ini sebanyak USD459.5 juta (2010: USD297.3 juta).

Sejak pelaksanaan Akta Yayasan Labuan pada tahun 2010, sebanyak 35 yayasan Labuan baharu telah didaftarkan pada tahun 2011, menjadikan jumlah yayasan Labuan kepada 40 (2010: 5). Lima lesen perniagaan telah dikeluarkan sejak Program Insentif Global untuk Perdagangan (Global Incentives for Trading, GIFT) diperkenalkan pada bulan September 2011. Ini telah membolehkan syarikat Perdagangan Komoditi Antarabangsa Labuan meraih manfaat daripada insentif di bawah Program GIFT. Pembentukan GIFT merupakan inisiatif yang wajar dengan pembangunan keseluruhan industri minyak dan gas di Labuan.

Sebagai sebahagian daripada program transformasi dalaman organisasi, Labuan FSA terus mempertingkat kapasiti dan keupayaannya untuk mengawal dan menyelia Labuan IBFC, khususnya dalam memastikan risiko-risiko utama dapat ditangani dengan segera, dan daya ketahanan dan kekukuhan Labuan IBFC terpelihara. Melangkah ke hadapan, pihak Labuan FSA akan melaksanakan rancangan untuk merealisasikan potensi strategik Labuan IBFC seperti yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan (Financial Sector Blueprint). Ini bagi memenuhi keperluan sektor perniagaan dalam negeri dan serantau. Langkah ini juga akan diperlengkap oleh penambahbaikan yang berterusan terhadap rangka kerja pengawalan dan penyeliaan Labuan IBFC bagi memenuhi piawaian dan amalan terbaik antarabangsa lantas menggalakkan pertumbuhan Labuan yang mampan.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011, Labuan FSA telah mencatat kenaikan dalam pendapatan operasinya kepada RM26.9 juta (2010: RM23.0 juta). Jumlah rizab Labuan FSA juga kekal kukuh pada RM25.2 juta.

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:

Unit Komunikasi Korporat & Pengurusan Acara
Tel: 087- 591200, Faksimile: 087- 428200
E-mel: communication@labuanfsa.gov.my
Laman sesawang: www.labuanfsa.gov.my